



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***TRANSFORMASI YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA DALAM
MELAKSANAKAN GERAKAN DAKWAH DI MALAYSIA***

MASITAH BINTI ESA

FEM 2017 20



**TRANSFORMASI YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA DALAM
MELAKSANAKAN GERAKAN DAKWAH DI MALAYSIA**

Oleh

MASITAH BINTI ESA

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

April 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

TRANSFORMASI YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA DALAM MELAKSANAKAN GERAKAN DAKWAH DI MALAYSIA

Oleh

MASITAH BINTI ESA

April 2017

Pengerusi : Amini Amir Abdullah, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti transformasi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dalam melaksanakan gerakan dakwah di Malaysia. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia atau dikenali sebagai YADIM merupakan sebuah Badan Amanah yang ditubuhkan oleh kerajaan berfungsi untuk melaksanakan gerakan dakwah bagi meningkatkan kefahaman ajaran Islam dan kesedaran dakwah Islamiah. Oleh yang demikian, pendekatan kualitatif adalah yang paling sesuai dan telah digunakan untuk mencapai objektif penyelidikan. Ini kerana responden seramai 24 orang mempunyai pengalaman dan penglibatan mereka dalam menjayakan program-program dakwah YADIM. Mereka merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah, pengurusan tertinggi dan para pegawai yang telah berkhidmat dengan YADIM. Selain itu, agensi sekutu, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu juga telah memberi kerjasama dalam menjayakan program dan produk dakwah YADIM. Teknik temu bual secara bersemuka telah diadakan di samping pengumpulan bahan-bahan dokumentasi dan pemerhatian untuk mendapatkan data secara holistik. Data direkod dan dikod serta dianalisis secara *verbatim* dengan menggunakan perisian *Atlas.Ti* bagi membantu pengurusan data. Analisis terperinci dibuat untuk menghasilkan tema bagi menjawab persoalan kajian.

Penemuan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi oleh YADIM iaitu kepimpinan yang berkesan, kekurangan sumber kewangan, kenebelan birokrasi dalam pengurusan, kekurangan sumber tenaga manusia dan tiada kesinambungan program dakwah. Namun begitu mutakhir ini, YADIM telah melakukan transformasi bagi melaksanakan anjakan paradigma dalam gerakan dakwahnya iaitu pertama, gaya kepimpinan yang meliputi sifat pemimpin. Sifat ini termasuk pemimpin yang mempunyai imej yang berwibawa, berilmu dan berpengetahuan luas, berwawasan, bersikap terbuka, penerapan budaya dan nilai yang baik yang menjadi *role model* kepada warga YADIM dan

masyarakat. Di samping mempunyai kompetensi kepimpinan meliputi kemahiran interpersonal dalam membina hubungan, berkeupayaan mencari dana melalui kerjasama pintar, menyelesaikan masalah dan berani membuat keputusan, kreatif dan inovatif dalam merancang serta melaksanakan program-program dakwah. Selain itu, teras utama transformasi dalam pengurusan meliputi kompetensi tenaga kerja, tadbir urus yang berkesan, pembangunan media dakwah, kemahiran berkomunikasi dan dorongan motivasi kepada keseluruhan warga YADIM.

Hasil kajian juga telah menunjukkan bahawa terdapat keberkesanan pelaksanaan program YADIM melalui jalinan kolaborasi bersama agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan NGO-NGO dengan rangkaian kerjasama dari sudut bantuan dana kewangan serta kerjasama dalam menjayakan program-program dakwah. Seterusnya, mendakwahkan masyarakat dan komuniti dengan menubuhkan Badan Khas yang terdiri daripada Majlis Dakwah Negara (MDN) Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM) dan Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM), IKON Dakwah, Sahabat YADIM, Felo Dakwah, Sukarelawan Al-Falah dan lain-lain untuk menyemarakkan kegiatan dakwah di negara ini. Metodologi dakwah diaplikasikan dengan pembangunan media masa kini seperti *facebook*, *twitter*, *instagram*, YADIMTV sebagai agen penjana dakwah bagi menyampaikan mesej kepada masyarakat dengan lebih berkesan. Keberkesanan program dan produk yang dilaksanakan oleh YADIM telah memberi impak positif kepada masyarakat. Ini kerana program-program utama dan bahan-bahan penerbitan YADIM telah menjadi *trademark* dan mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat.

Kesimpulannya, agenda transformasi dakwah YADIM sebagai pemangkin kepada gerakan dakwah semasa melalui konsep *amar ma'ruf nahi mungkar* bagi memberi kefahaman, pengamalan dan penghayatan Islam kepada masyarakat. Usaha ini merupakan suatu pembentukan bagi melestarikan masyarakat yang bertamadun untuk menuju ke arah masyarakat *madani* secara komprehensif di negara ini.

Abstract of thesis presented to the Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

THE TRANSFORMATION OF ISLAMIC DA'WAH FOUNDATION OF MALAYSIA IN IMPLEMENTING THE MOVEMENT OF DA'WAH IN MALAYSIA

By

MASITAH BINTI ESA

April 2017

Chairman : Amini Amir Abdullah, PhD
Faculty : Human Ecology

The purpose of this research is to identify the transformation that was implemented by Islamic Da'wah Foundation Of Malaysia as a da'wah movement in Malaysia. YADIM, in other words is short for Islamic Da'wah Foundation Of Malaysia is a "Trust" which was established by the government to spread the message of Islam, to enhance the understanding of Islam and to create Islamic da'wah awareness. The qualitative approach is the most appropriate research methodology that has been used to achieve the research objectives. 24 respondents were selected from high level management of YADIM and those who have experience and seriously involved in the success of YADIM programs; the members of the Board of Trustees, senior management and employees of YADIM as well as respondents from other agencies, non-governmental organizations (NGO'S) and individuals who have cooperated to ensure the success of the YADIM's programs. Face to-face interviews were conducted in addition to collecting materials, documentation and observation. Data were recorded and coded in verbatim and analyzed using *Atlas.Ti* software to assist in data management analysis. A detailed analysis was made to produce themes in this study.

The findings indicate that there are some problems with YADIM leadership, lack of financial resources, bureaucratic management (red tape), lack of human resources and no continuation of the da'wah programs. But lately, YADIM has been transformed to a state of paradigm shift in terms of leadership styles and quality. These leadership styles and quality include competent, knowledgeable insightful, openness, and upholding good moral values. In addition, others skills are leadership skills in building interpersonal relationships, ability to raise money through smart collaboration and partnership, problem solving and decision making, creative and innovative in designing and implementing programs. Nevertheless, the

main thrust of the transformation includes the effectiveness of human capital and resources management, effective governance, communication skills and motivation.

This study has also shown that there is an effective implementation of the YADIM's program through effective collaboration and cooperation with government agencies, private sector and NGO'S. Da'wah efforts becoming more effective with the establishment of Majlis Dakwah Negara (MDN), Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM) and Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM), IKON Dakwah, Sahabat YADIM, Felo Muda Dakwah (FMD), Sukarelawan Al-Falah and to enliven the da'wah activities in the country. The use of social media has enhanced da'wah effectiveness such as *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* as well as YADIMTV. The effectiveness of programs implemented by YADIM have gave a positive impact on society. This is due to the fact that the main programs and publications of YADIM have been established and well accepted by the community.

In conclusion, the agenda of the transformation of Islamic Da'wah Foundation of Malaysia (YADIM) will be the catalyst of the current and future da'wah activities through the concept of enjoining good and forbidding evil in order to bring understanding, experience and appreciation of Islam to the society. These efforts will contribute to the transformation of civilization and wellness of the society to move towards a comprehensive civil society.

PENGHARGAAN

Segala pujian dan kesyukuran kepada Allah S.W.T Tuhan sekalian alam, selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan para sahabatnya.

Penyelidik memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan petunjuk dan hidayahNya, penulisan tesis ini akhirnya dapat diselesaikan walaupun terdapat beberapa kekangan dan cabaran dalam proses untuk menyiapkannya. Penyelidik amat berhutang budi kepada penyelia Dr Amini Amir Abdullah yang banyak membantu di dalam memberi tunjuk ajar serta bimbingan dalam menyiapkan tesis ini. Di samping itu, penyelia bersama Prof Madya Dr Ma'rof Ridzuan dan Prof Madya Dr Nurdeng Duraseh yang turut sama memberi sokongan dan pandangan yang berguna sepanjang penyelidik menyelesaikan kajian ini. Tidak lupa diucapkan kepada semua pensyarah dan kakitangan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM).

Tidak lupa juga diucapkan ribuan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Pengurusan Tertinggi, pegawai dan kakitangan YADIM yang terlibat dalam memberikan kerjasama dan sokongan mengadakan temu bual dan penyediaan sebahagian data bagi tujuan melengkapkan kajian ini. Di samping itu, warga YADIM yang memberikan dorongan untuk menyiapkan tesis ini. Selain itu, sekalung penghargaan juga diberikan kepada pihak Arkib Negara, Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Perpustakaan Negara Malaysia.

Akhir sekali, jutaan terima kasih dan penghargaan ditujukan khusus buat ibu tercinta Puan Hajjah Maimunah Binti Abdullah dan keluarga tersayang dalam memberikan doa dan restu sepanjang penyelidikan ini yang membolehkan penyelidik menyiapkan tesis dengan jayanya. Ucapan terima kasih juga kepada teman-teman seperjuangan yang memberi tunjuk ajar dan sokongan bagi melengkapkan kajian ini. Doa dan restu semua maka penyelidik telah berjaya menyiapkan tesis ini dengan jayanya, alhamdulillah.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 21 April 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Masitah binti Esa bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Transformasi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dalam Melaksanakan Gerakan Dakwah di Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Siti Nor binti Yaacob, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaid bin Ahmad, PhD

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohd Daud bin Awang, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohd Isa Hamzah, PhD

Pensyarah Kanan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 September 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli - ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Amini Amir Abdullah, PhD

Pensyarah
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ma'rof bin Redzuan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nurdeng Dueraseh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakriksi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik.: Masitah Binti Esa, GS30582

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Amini Amir Abdullah

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Ma'rof bin Redzuan

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Nurdeng Dueraseh

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiii
PEMAKLUMAN	xvi
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
SENARAI SINGKATAN	xx
 BAB	
 1	
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Skop Dan Batasan Kajian	8
1.7 Definisi Operasional	9
1.7.1 Transformasi	9
1.7.2 Institusi Dakwah	9
1.8 Struktur Penulisan Tesis	10
1.9 Kesimpulan	11
 2	
LATAR BELAKANG DAN PERKEMBANGAN YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Latar Belakang Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia	12
2.2.1 Sejarah Penubuhan	12
2.2.2 Lokasi Dan Cawangan	22
2.3 Struktur Pengurusan	23
2.3.1 Ahli Lembaga Pemegang Amanah	23
2.3.2 Pengurusan Tertinggi	27
2.3.3 Bahagian-Bahagian, Pejabat Zon Dan Cawangan	27
2.3.4 Misi, Visi, Objektif Dan Fungsi	31
2.3.5 Aplikasi Strategi Dakwah	33
2.3.6 Pencapaian	34
2.4 Perkembangan dan pelaksanaan gerakan dakwah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia	35
2.4.1 Penubuhan dan pemerkasaan Penyelarasan NGO- NGO	35

2.5	Program Dakwah Dan Bahan Penerbitan	43
2.5.1	Program peringkat kebangsaan	43
2.5.2	Program Peringkat Antarabangsa	47
2.5.3	Bahan-bahan Penerbitan	49
2.6	Kesimpulan	51
3	SOROTAN LITERATUR PERKEMBANGAN DAN TRANSFORMASI GERAKAN ORGANISASI DAKWAH DI MALAYSIA	52
3.1	Pengenalan	52
3.2	Definisi dan konsep	52
3.2.1	Hala tuju	52
3.2.2	Strategi	54
3.3	Matlamat Organisasi Dakwah	55
3.4	Elemen Utama Pengurusan Organisasi Dakwah	61
3.4.1	Fungsi pengurusan	61
3.4.2	Reka bentuk dan Ilustrasi pengurusan dakwah	73
3.5	Pemeriksaan Gerakan Organisasi Dakwah Di Malaysia	76
3.5.1	Islam di Tanah Melayu	76
3.5.2	Transformasi Organisasi Dakwah Di Malaysia	77
3.6	Kesimpulan	85
4	METODOLOGI PENYELIDIKAN	87
4.1	Pengenalan	87
4.2	Rekabentuk Kajian Dan Pemilihan Pendekatan Kualitatif	87
4.3	Pemilihan Tempat Penyelidikan	89
4.4	Kaedah Pemilihan Sampel Kajian	90
4.5	Instrumen Dan Teknik Pengumpulan Data	92
4.5.1	Temu bual	93
4.5.2	Analisis Dokumentasi	99
4.5.3	Pemerhatian Secara Turut Serta	100
4.5.4	Nota Lapangan	101
4.5.5	Memo Analitik	102
4.6	Pengurusan dan penganalisan data	102
4.6.1	Pengurusan data	102
4.6.2	Penganalisan data	103
4.7	Kesahan dan kebolehpercayaan kajian	104
4.7.1	Kesahan data	105
4.7.2	Kebolehpercayaan	108
4.7.3	Etika dan kerahsiaan	108
4.7.4	Penyelidik sebagai instrumen	109
4.8	Kesimpulan	110

5	HASIL DAN PENEMUAN KAJIAN	111
5.1	Pengenalan	111
5.2	Tema-tema kajian	113
	Tema 1: Matlamat gerakan dakwah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia	113
	Tema 2: Permasalahan yang dihadapi oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia	121
	Tema 3: Faktor yang mendorong transformasi dan Pemerkasaan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia	133
	Tema 4 : Keberkesanan pelaksanaan program Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia kepada masyarakat	156
	Tema 5 : Cadangan memperkukuh gerakan dakwah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia	170
5.3	Kesimpulan	173
6	RINGKASAN, METODOLOGI, HASIL KAJIAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	175
6.1	Pengenalan	175
6.2	Ringkasan	175
6.3	Metodologi	176
6.4	Hasil Kajian	178
6.5	Implikasi kajian	180
	6.5.1 Implikasi teoritikal	181
	6.5.2 Implikasi praktis	187
6.6	Cadangan kajian	189
	RUJUKAN	191
	LAMPIRAN	217
	BIODATA PELAJAR	327
	SENARAI PENERBITAN	328
	SENARAI PEMBENTANGAN KONFERANSI	329

PANDUAN TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Roman	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	B	بدل	badala
ت	T	تمر	tamr
ث	Th	ثورة	thawrah
ج	J	جمال	jamāl
ح	H	حدث	hadatha
خ	Kh	خلود	khulūd
د	D	ديوان	diwān
ذ	Dh	ذهب	dhahaba
ر	R	رحيم	rahim
ز	Z	زمزم	zamzam
س	S	سريّة	sariyyah
ش	Sh	شمس	shams
ص	S	صبر	sabr
ض	D	ضمير	damir
ط	T	طاهر	tāhir
ظ	Z	ظهر	zuhr
ع	'	عبد	'abd
غ	Gh	غيب	ghayb
ف	F	فقه	fiqh
ق	Q	قضاة	qudāh
ك	K	كمال	kamāl
ل	L	لبن	laban
م	M	مزمّار	mizmār
ن	N	نوم	nawm
هـ	H	هجرة	hijrah
و	W	وصل	wasl
ي	Y	يسار	yasār

Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Roman	Contoh Asal	Transliterasi
اَ	a	فَعَلَ	fa'ala
اِ	i	حَسِبَ	hasiba
اُ	u	كُتِبَ	kutiba

Vokal panjang

Huruf Arab	Huruf Roman	Contoh Asal	Transliterasi
اِي , اِ	a	قَضَى , كَاتِبَ	kātīb, qadā
يِ	i	كَرِيمَ	karim
وِ	u	حُرُوفَ	hurūf

Diftong

Huruf Arab	Huruf Roman	Contoh Asal	Transliterasi
وِ	aw	قَوْلَ	qawl
يِ	ay	سَيْفَ	sayf
يِ , اِ	iyy atau i	رَجَعِيَ	raj'iyy atau raj'I (di akhir)
وِ	uww atau u	عَدُوَّ	'aduwu atau'adu (di akhir)

Pengecualian

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada a, bukan kepada ' Contoh أكبر Transliterasi : akbar bukan 'akbar
2. Huruf Arab ة , ة (tā marbūtah) ditransliterasi kepada t dan bukannya kepada h jika terletak pada perkataan yang tiada ال (alif lam) dan bersambung dengan perkataan lain selepasnya yang mempunyai ال (alim lam).

Contoh	Transliterasi
1 وزارة التعليم	wizarat al-ta'lim (bukan wizārah)
2 مطبعة المعهد العلمي	Matba'at al-Ma'had al-'Ilmi
3 Huruf Arab ة , ة	Huruf Arab ة , ة (tā marbūtah) ditransliterasikan kepada h sekiranya ta marbutah terletak pada perkataan yang mempunyai ال (alif lam) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir

Contoh :	Transliterasi
1 المكتبة الأهلية	al-Maktabah al-Ahliyyah
2 قلعة	qal'ah
3 دار وهبة	Dār Wahbah

Skop Penggunaan Jadual Transliterasi

Dalam konteks peulisan tesis ini, jadual transliterasi hanya digunakan untuk menukarkan huruf Arab ke dalam huruf Roman bagi ejaan istilah, perkataan dan nama tempat yang belum wujud dan mantap dalam bahasa Melayu. Ejaan istilah, perkataan, dan nama tempat yang sudah mantap dalam bahasa Melayu seperti tauhid, hukum-hakam. Muharram, Safar, Baghdad, dan Kaherah adalah tidak memerlukan kepada transliterasi.

PEMAKLUMAN

- i. Ayat-ayat terjemahan yang digunakan dalam kajian ini daripada Syeikh Abdullah Bin Muhamad Bin Basmeih. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*. (2000). Kuala Lumpur: Darul Fikir
- ii. Teks bahasa arab Hadith adalah daripada Kitab-kitab Hadith Sahih antaranya seperti *Ṣḥāḥ al-Bukhārī* karangan, Abu Abdillah Ismail Al-Bukhārī. (1981). Beirut: Dar-Al-Fikr, Kitab karangan Muḥyi al-Dī Yahya bin Sharaf Al-Nawāwī. (1992). *ṣḥāḥ Muslim bi Ṣarḥ al-Nawāwī*, Jilid 2 Beirut: Dar al-Ma'rifah, kitab karangan al-Imam al-Hafiz Jalāl al-Dīn Abd al-Rahman bin Abu Bakr Al-Suyutiyy. (t.th.). *al-Jamī' al-Ṣaghīr*. Al-Muhaddith Program (CD-ROM) version 8.61. (1 November 2012). kitab karangan, Abu Isa Muhammad bin Isa bin Surah bin Musa bin al-Dahhak Al-Turmudhīyy. (t.th.). *Sunan al-Turmudhīyy*. Al-Muhaddith Program (CD-ROM) Version 8.61 (1 November 2012).
- iii. Terjemahan hadith adalah dari kitab yang diiktiraf di Malaysia seperti Mustika Hadith-hadith Al-Qudsi Sahih penterjemah Abul Khairi Al-Latifi. (2002) Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
2.1 Barisan Kepimpinan Yang Dipertua	26
2.2 Klasifikasi Bahagian Operasi di peringkat Ibu Pejabat	29
2.3 Bahagian Dan Pelaksanaan Program	30
4.1 Senarai responden YADIM yang telah di temu bual	91
4.2 Senarai responden yang terlibat dengan YADIM	91
4.3 Senarai Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang telah ditemu bual	95
4.4 Senarai Pengurusan Tertinggi yang telah ditemu bual	95
4.5 Senarai pegawai yang telah di temu bual	96
4.6 Senarai Agensi Sekutu, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu yang telah di temu bual	97
5.1 Senarai sebenar responden yang telah ditemu bual	112
5.2 Visi dan Misi	114
5.3 Strategi Dakwah	119
5.5 Penempatan dan Jantina kakitangan yang berkhidmat	146
5.6 Kategori Perjawatan Kakitangan	149
5.11 Program-program utama	165
5.12 Keahlian Sahabat YADIM	168

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
2.1 Carta organisasi YADIM	28
3.1 Matlamat utama organisasi dakwah	57
3.2 Proses transformasi dan pemerkasaan bagi mencapai matlamat organisasi dakwah	61
3.3 Model asas kepimpinan Rasulullah SAW	66
4.6 Triangulasi dalam sumber data	106
5.4 Latar belakang pendidikan kakitangan	126
5.7 Keanggotaan Majlis Amal Islami Malaysia	156
5.8 NGO-NGO Mengikut Kluster	157
5.9 Jumlah Keanggotaan Sukarelawan Al-Falah Mengikut Negeri	160
5.10 Laporan Kehadiran Jemputan Peserta Melalui Media	163
5.13 Penyertaan mengikut universiti	169
6.1 Penglibatan masyarakat sebagai peserta	180
6.2 Cadangan model transformasi organisasi dakwah	186

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
A	Surat maklumbalas dari YADIM	217
B	Maklumat Kajian	218
C	Protokol wawancara Informan dan responden kajian	219
D	Sebahagian contoh pembentukan kategori dan kod daripada lembaran <i>Atlas.Ti</i>	222
E	Sebahagian contoh pembentukan kategori <i>Atlas.Ti</i>	223
F	Pembentukan tema	225
G	Audit Trail ini akan menghuraikan bagaimana kajian Transformasi YADIM sebagai sebuah Institusi Dakwah di Malaysia dilaksanakan	226
H	Pemerhatian secara turut serta	231
I	Contoh catatan lapangan	233
J	Contoh memo analitik	239
K	Gambar-gambar, keratan akhbar dan dokumen-dokumen YADIM	241

SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ACCIN	Pertubuhan-Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan
ALPA	Ahli Lembaga Pemegang Amanah
BAHEIS	Bahagian Hal Ehwal Islam
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BIL.	Bilangan
CSR	Corporate Social Responsibility
DPNI	Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam
FMD	Felo Muda Dakwah
HELWA	Hal Ehwal Wanita
HIKMAH	Harakah Islamiah
Hlm.	Halaman
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
IKDS	Pertubuhan Ikatan Dan Kebajikan Dan Dakwah Selangor
IKS	Industri Kecil Sederhana
IKSEP	Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia
ILMU	Pertubuhan Ilmuan Malaysia
INDAH	:Institut Dakwah
IPTA	Instutusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
ISMA	Ikatan Muslimin Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JATI	Pertubuhan Jalur Tiga

JIM	Jemaah Islah Malaysia
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JAWHAR	Jabatan Wakaf Zakat Dan Haji
JKSM	Jabatan Kehakimana Syariah Malaysia
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPM	Jabatan Perdana Menteri
LEPAI	Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan pendidikan Agama Islam
LLN	Lembaga Letrik Negara
LNPT	Laporan Penilaian Prestasi Tahunan
MAIM	Majlis Amal Islami Malaysia
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MDN	Majlis Dakwah Negara
MIHAS	Malaysian International Halal Seminar & Exhibition
MIS	Majlis Islam Sarawak
MKI	Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia
MPWIM	Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia
MUAFAKAT	Pertubuhan Muafakat Sejahtera Malaysia
NBOS	National Blue Ocean Startegy
NGO	Non Govermental Organization
NUIM	Nadwah Ulama Dan Imuan Malaysia
PAS	Parti Islam se-Malaysia
PASKOM	Pasukan Komunikasi
PEMBELA	Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia

PERKASA	Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia
PKPIM	Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia
PPIM	Persatuan Pengguna Islam Malaysia
PPMM	Persatuan Peguam-peguam Muslim Malaysia
RTM	Radio Televisyen Malaysia
RMC	Russian Mufties Council
SAW	Sallallah 'alayh wa sallam
SWT	Subhanu Wa Ta'ala
TH	Lembaga Tabung Haji
TYDP	Timbalan Yang Dipertua
t.p	tanpa penerbit
t.th	tanpa tahun penerbitan
t.tp	tanpa tempat penerbitan
Terj.	Terjemahan
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
USIA	United Sabah Islamic Association
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
WAMY	World Assemble of Muslim Youth
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
YaPIEM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
YDP	Yang Dipertua

BAB 1

PENDAHULUAN

Bab satu mengandungi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, definisi operasional dan struktur penulisan tesis yang digunakan dalam kajian ini.

1.1 Pengenalan

Islam telah meninggikan martabat dakwah ke peringkat tinggi yang perlu dicapai oleh setiap individu Muslim. Mereka perlu peka dan prihatin pada fenomena yang berlaku kerana dakwah merupakan salah satu kewajipan di dalam Islam. Seruan dakwah adalah dari Al-Quran dan Hadith perlu disampaikan kepada seluruh umat manusia agar beroleh keberkatan hidup dan keredhaan Allah keberkatan hidup di dunia dan akhirat. Tugas dakwah bukanlah merupakan tugas di bahu insan yang bergelar ulama', ustaz ataupun ustazah sahaja, namun ia juga turut diberikan tanggungjawab kepada setiap individu manusia sepertimana dakwah yang telah dilaksanakan oleh para Rasul kepada kaumnya agar beriman kepada Allah SWT. Inilah tugas asas bagi setiap Rasul yang diutus oleh Allah di muka bumi ini dengan membawa risalah Allah iaitu Al-Quran agar ia dapat dipraktikkan dan dijadikan sebagai *way of life* sama ada secara individu, masyarakat dan negara. Ini bersesuaian dengan Islam yang merupakan rahmat kepada seluruh alam.

Gerakan Islam merupakan perjuangan para nabi di sepanjang zaman yang membawa satu misi iaitu mengesakan Allah SWT serta taat dan patuh kepada kekuasaan dan kebesarannya. Gerakan Islam juga terhasil hasil daripada kesinambungan risalah yang dibawa oleh para nabi¹. Menurut Wan Hussein Azmi (1984), setiap sistem atau organisasi hidup manusia mestilah ada pendakwah atau penyerunya yang mengajak manusia untuk menerima dan mempraktikkan sistem tersebut². Sekiranya sesuatu sistem atau organisasi itu tidak ada pendakwah atau penyerunya, maka ini bermakna sistem itu akan hilang lenyap dilupai manusia walau bagaimanapun baik sekalipun sistem tersebut. Penyusunan organisasi yang mantap dan teratur merupakan di antara jaminan kejayaan usaha dakwah³. Perkataan organisasi dalam Al-Quran merujuk kepada ungkapan *jamaah* yang mempunyai pelbagai makna. Ini menunjukkan betapa pentingnya hidup berjamaah atau berorganisasi dan bekerja secara berkumpulan sebagaimana hadith dalam *Musnad* daripada Nu'man Bin Bāshir R.A, sabda Rasulullah SAW:

¹ Al-A'raf:59

² Ali 'Imran:104

³ Al-Saff:4

Terjemahan :

Maka sesungguhnya riwayat daripada Ahmad dan Thobrāni dan Baikḥāki dengan sanad yang benar daripada hadith Nu'man Bin Bāshir, daripada Nabi SAW sesungguhnya telah berkata: jamaah itu adalah rahmat dan perpecahan itu adalah azab (Ahmad Ibn Hambal. t.th.)

Hadith di atas menunjukkan tentang dakwah atau *manhaj* yang dibawa oleh suatu jemaah (organisasi). Dalil Al-Quran dan Hadith yang telah menggariskan tentang pentingnya dakwah bagi mengajak dan menyeru manusia agar dapat merealisasikan *amar ma'ruf nahi mungkar*, mewujudkan masyarakat bersatu dan bertakwa, menunaikan dan melaksanakan perintah Islam dalam kehidupan masyarakat.

Sejarah Islam telah membuktikan bahawa Rasulullah SAW mengaplikasikan amalan pengurusan organisasi dalam usaha dakwah baginda. Rentetan peristiwa Bai'ah 'Aqabah yang pertama dan awal serta pelantikan Mus'ab bin Umar sebagai utusan baginda ketika berada di Madinah adalah bukti baginda menyusun atur dakwah baginda (al-Buti, 1991). Fathi Yakan (1987) menyatakan dengan tegas bahawa usaha berdakwah hendaklah dilakukan secara berorganisasi. Ini kerana faktor arus yang menentang usaha dakwah Islamiah adalah merupakan cabaran yang besar di era kemajuan sains dan teknologi masa kini. Dakwah yang dilaksanakan secara sistematik merupakan jalan yang terbaik untuk memastikan usaha dakwah yang dilakukan mencapai kejayaan. Gerakan dakwah yang berterusan akan membina kecemerlangan ketamadunan manusia dalam kehidupan di dunia dan di akhirat kelak.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejarah kedatangan Islam di Tanah Melayu melibatkan beberapa teori iaitu dari sudut masa kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada abad ke-13 manakala dari sudut sumber kedatangan dakwah, ianya dibawa terus dari Semenanjung Tanah Arab di samping dari India, China dan Parsi. Gerakan dakwah dilaksanakan oleh kebanyakan para aktivis melalui pelbagai usaha dan aktiviti kebangkitan Islam seperti pengaruh Muhammad bin 'Abd Wahab, Muhammad bin 'Ali Al-Sanusi, Syeikh Muhammad Abduh, Rashid Rida, Jamaluddin Al-Afghani, Sayyid Qutb dan lain-lain. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah membawa perubahan kepada masyarakat khususnya mengenai pandangan dan kepercayaan hidup orang-orang Melayu. Terdapat beberapa faktor Tanah Melayu menjadi tumpuan para pedagang Arab dan para ulama untuk menyebarkan dakwah antaranya ialah:

- i. Aktiviti perdagangan yang menjadi tumpuan kepada penyebaran dakwah.
- ii. Pedagang, Syahbandar dan perkahwinan.
- iii. Penghargaan nilai ideologi Islam yang dianggap keutamaan bagi penganutnya (Ab. Aziz Mohd Zin, 2006: 41).

Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dari jajahan British dan penubuhan Malaysia pada tahun 1963 adalah merupakan peristiwa sejarah yang penting bagi perkembangan dakwah di negara ini. Kedudukan agama Islam sebagai Agama Persekutuan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan mahupun Perlembagaan Negeri membolehkan kegiatan dakwah dilaksanakan secara individu, pertubuhan-pertubuhan kerajaan dan juga pertubuhan-pertubuhan sukarela. Implikasinya gerakan dakwah di Tanah Melayu terus berkembang sehingga mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Selepas kemerdekaan kegiatan dakwah lebih jelas dan terarah serta banyak badan-badan dakwah ditubuhkan antaranya Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) tahun 1960, Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia (PKPIM) tahun 1961 yang sebelum ini dikenali sebagai Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Persekutuan Tanah Melayu, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) tahun 1971, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) tahun 1974. Perkembangan dakwah selepas merdeka begitu pesat dengan kebangkitan semangat gerakan tajdid dan gerakan pengislahan di kalangan masyarakat Melayu mendorong kepada fenomena baru dalam gerakan dakwah masa kini (Ab. Aziz Mohd Zin, 2006:48). Malah, ianya bukan hanya berkembang di Malaysia tetapi kini menjadi pusat tumpuan dan rujukan gerakan dakwah di rantau ini dan seluruh dunia. Penyebaran dakwah Islam di Malaysia mendapat perakuan dan pengiktirafan oleh negara-negara pertubuhan Islam Antarabangsa (Abdul Munir Ismail, 2014). Oleh itu, penubuhan agensi atau pertubuhan Islam telah membentuk sebuah tamadun peradaban manusia dalam merealisasikan dan memartabatkan syiar Islam di negara ini. Kesungguhan semua pihak samada agensi kerajaan atau Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menyebarkan syiar Islam melalui platform dakwah selari dengan perkembangan arus perdana dan teknologi semasa agar dapat dihayati dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat secara holistik. Namun begitu, terdapat juga kesan-kesan sampingan yang boleh mengelirukan masyarakat di mana terdapatnya tanggapan masyarakat tidak mengetahui peranan dan perkembangan yang dijalankan oleh sesebuah organisasi Islam di negara ini. Perkara ini perlulah diatasi walaupun masyarakat seharusnya perlu memahami konsep dan pelaksanaan dakwah itu sendiri dengan sebaik-baiknya, di samping mengetahui peranan dan fungsi organisasi yang berkaitan.

1.3 Pernyataan Masalah

Kebangkitan Islam di era tahun 1970an dan selepas kemerdekaan turut memberi kesan kepada perkembangan Islam di Malaysia terutama dalam konteks pembangunan negara. Menyedari betapa pentingnya Islam dalam pembangunan negara maka kerajaan telah mengambil keputusan untuk menjadikan Islam sebagai elemen utama dalam pembangunan negara. Kepimpinan yang diterajui oleh mantan Perdana Menteri seperti Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj (1957-1970), Tun Abdul Razak (1970-1976), Tun Hussien Onn (1976-1981), Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003), Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi (2003-2010) dan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak (2010-sekarang) tidak pernah meminggirkan peranan Islam dalam usaha mereka untuk membangunkan negara.

Arus perdana dakwah pada abad yang ke-21 ini juga melihat bahawa organisasi Islam memainkan peranan yang amat penting dalam konteks penyebaran ajaran Islam agar benar-benar mendasari dan menjadi tonggak utama dalam kehidupan masyarakat sejagat. Pelaksanaan dakwah memerlukan kepada usaha berterusan dan berasaskan kepada *manhaj* yang sesuai untuk sasaran seiring dengan arus perdana pada masa kini. Organisasi Islam mula menggunakan kemudahan alam maya ini yang disebarkan menerusi filem, video, melalui *facebook*, *twitter*, *instagram* dan sebagainya untuk menyampaikan risalah dakwah dalam menyemarakkan kegiatan masyarakat. Namun begitu, peranan organisasi dakwah tidak menunjukkan kejayaannya. Banyak permasalahan-permasalahan yang berlaku dalam ruang lingkup dakwah sama ada di peringkat national atau antarabangsa antaranya ialah masalah kepimpinan, pengurusan organisasi dakwah termasuk perancangan, pelaksanaan, pengawalaan penyelarasan, strategi, cabaran luaran dan dalaman, kekurangan aplikasi media massa, kewangan, penglibatan peserta, promosi, karenah birokrasi, tiada kepakaran dalam organisasi, tidak memahami secara menyeluruh tentang dakwah (Fariza, 2000; Ab. Aziz Mohd Zin, 2006; Mohamad Nazli Omar, 2013; Mahayudin Haji Yahaya, 2001; Abdul Aziz Mohd Zin, 1997; Fathi Yakan, 1974; Ali Jarishah, 1986). Melalui penulisan dan kajian ilmiah yang telah dinyatakan memang tidak dinafikan wujudnya permasalahan ini seiring dengan kajian beberapa penyelidikan yang terdahulu. YADIM juga sebagai Institusi Dakwah tidak terlepas daripada mengalami perkara yang sama dalam memainkan peranannya. Ini kerana permasalahan YADIM telah ditulis dalam kertas kerja pembentangan seminar⁴ iaitu :

... Saya masih ingat dalam tahun 1973, dalam Kongres Ekonomi Islam ke-2, Tun Abdul Rahman Ya'kub mencadangkan supaya ditubuh Yayasan dakwah Islamiah dan dipersetujui oleh Tun Abdul Razak yang telah mengisytiharkan penubuhannya pada tahun 1974. Tujuannya ialah untuk menjadikan dakwah sebagai program nasional. Malangnya, YADIM sejak penubuhannya menjadi sebuah institusi yang "hidup segan mati tak mahu". Program nasional yang penting untuk menyatukan rakyat berbilang kaum dan agama dalam acuan kemelayuan dan keislaman, peruntukkan yang diberi hanya RM1 juta setahun. Bukannya kerajaan tidak bersedia membiayai pergerakannya tetapi bajet yang kecil itu ialah kerana tiada perancangan yang dibuat untuk tujuan dakwah. YADIM lebih banyak diisi dengan agenda politik sahaja.... Saya telah diberi kesempatan untuk memimpin YADIM oleh Tun Dr Mahathir pada tahun 2000-2009. Saya hadir dalam Kongres Ekonomi ke-2 itu dan mengikuti perkembangan YADIM daripada mula ditubuhkan, mendengar sendiri daripada ucapan Tun Abdul Rahman Ya'kub yang mengemukakan cadangan itu dan penjelasan sampingannya di luar sesi perbincangan, memahami apakah tujuan yang tersurat dan tersirat YADIM ditubuhkan. Saya cuba

⁴ Seminar Dakwah Nasional 2012M/1433H Wacana Pemikiran Dan Peradaban Ummah Ke-4 anjuran Pertubuhan Muafakat, Akhbar Utusan Malaysia, TV Al-Hijrah dan Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

menghayati YADIM sebagai institusi dakwah nasional dan mengembalikannya kepada tujuan ia ditubuhkan. Fokus saya ketika itu ialah membangunkan prasarana dakwah dengan melibatkan para ulama, intelektual, pertubuhan dakwah dan masyarakat di dalam gerakan dakwah. Dasar Dakwah Baru diperkenalkan dan perancangan lima tahun pertama dan kedua dilaksanakan. Saya memohon peruntukkan kewangan daripada kerajaan dengan jumlahnya yang sesuai mengikut perancangan itu. Permohonan peruntukkan YADIM tidak pernah dikurangkan jumlahnya. Bahkan ketika saya memohon peruntukkan tambahan juga tidak pernah ditolak. Malangnya, setelah saya bersara Dasar Dakwah Baru terbenam di dalam buku dan Rancangan Lima Tahun Pertama Dan Kedua yang disusun, tinggal sebagai rancangan kosong yang tidak diteruskan. Saya hanya boleh mengeluh "Wal hasil balik asal" (Nakhaie Ahmad, 2012:10-11).

Dalam seminar ini juga pembentang ada mencadangkan untuk memperkasakan peranan YADIM iaitu:

- i. Satu-satunya agensi kerajaan yang ditubuhkan khusus untuk tujuan dakwah ialah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). YADIM yang ditubuhkan hasil resolusi Kongres Ekonomi Islam Ke-2 pada tahun 1973 tidak menampakkan kejayaan yang diharapkan walaupun telah hampir memasuki tahun ke-40 penubuhannya.
- ii. YADIM boleh diperkasakan dan digerakkan dengan pimpinan dan pengurusan yang berpengalaman luas dalam bidang dakwah dengan visi dan misi untuk memikul serta melaksanakan amanah ini dengan bersungguh dan berkesan.
- iii. YADIM juga perlu bergerak dengan perancangan dakwah yang berstrategik, bekerjasama serta mengembeling pelbagai NGO dakwah yang sedia ada. YADIM mesti terkedepan dalam memastikan misi dakwah di negara ini.
- iv. Peruntukan dana yang mencukupi dengan pelan perancangan jangka panjang dan aktiviti jangka pendek harus disusun dan diurus dengan berkesan (A Karim Omar, 2012:43).

Terdapat juga laporan penulisan di akhbar-akhbar tempatan berkaitan peranan YADIM yang telah dibangkitkan dalam sesi Dewan Rakyat ketika pembentangan ahli Dewan Parlimen dengan menyatakan bahawa:

"...Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) tidak menjalankan tanggungjawab memberi dakwah kepada umat Islam di negara ini, sebaliknya sibuk berpolitik dengan puncanya kerana pimpinan badan dakwah itu dilantik atas kapasiti politik" (Berita Harian, Dewan panas debat isu perlekeh Islam, 27 November 2012). "...Kelemahan pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini bukan lagi persepsi masyarakat semata-mata tetapi sudah menjadi pegangan berasaskan realiti. Orang bukan mengagak pentadbiran berkenaan lemah tetapi memang berpendapat sedemikian"

(Berita Harian, Mengubah persepsi urus tadbir Islam, pendekatan menyeluruh tepis tanggapan negatif, pulih keyakinan ummah, 7 Oktober 2012). "... Yayasan Dakwah yang tidak berdakwah. Sejarah itulah turut membentuk persepsi masyarakat hingga hari ini dan pengalaman yang dilalui kebanyakan masyarakat apabila berurusan agensi berkaitan Islam menguatkan lagi tanggapan terhadap keseluruhan pengurusan hal ehwal Islam". (Berita Harian, Mengubah persepsi urus tadbir Islam, pendekatan menyeluruh tepis tanggapan negatif, pulih keyakinan ummah, 7 Oktober 2012).

Pada 5 April 2012 ketika Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2012 di Parlimen mendakwa bahawa individu dilantik itu tidak membuat kerja-kerja gerakan dakwah sebagaimana ditetapkan misi dan visi YADIM (Detik Daily Suara Reformasi Rakyat, 14 April 2012). Hasil daripada laporan di atas menunjukkan bahawa terdapat permasalahan dalam aspek kepimpinan dan pengurusan organisasi yang begitu ketara oleh YADIM. Namun begitu, mutakhir ini terdapat anjakan paradigma yang telah ditransformasikan oleh YADIM bagi melaksanakan gerakan dakwah di Malaysia. Sehubungan itu, penyelidik menjadikan anjakan paradigma dan permasalahan YADIM sebagai asas dalam kajian ini. Persoalan-persoalan kajian yang timbul iaitu:

- i. Apakah hala tuju dan strategi yang dilaksanakan oleh YADIM dalam mencapai matlamat penubuhannya?
- ii. Apakah terdapat permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh YADIM dan usaha-usaha untuk mengatasinya dalam memperkasa gerakan dakwahnya kepada masyarakat?
- iii. Apakah faktor-faktor yang mendorong YADIM melakukan transformasi dalam gerakan dakwahnya di Malaysia?
- iv. Apakah program dan produk dakwah yang dianjurkan oleh YADIM mempunyai implikasi kepada masyarakat?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan hasrat penyelidik untuk melakukan kajian dan merupakan aspek yang terpenting dalam sesuatu penyelidikan. Penyelidik telah meletakkan objektif kajian sebagai landasan utama bagi memastikan hasil kajian menepati kepada matlamat sebenar penyelidikan. Oleh yang demikian, perlu ditekankan objektif penyelidikan yang dijalankan adalah untuk:

- i. Menilai hala tuju dan strategi YADIM dalam mencapai matlamat gerakan dakwah di Malaysia.
- ii. Menganalisis permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh YADIM dalam usaha dakwah kepada masyarakat.
- iii. Menganalisis faktor-faktor yang mendorong YADIM melakukan transformasi berdasarkan fungsi pengurusan organisasi dakwah.
- iv. Mengenal pasti keberkesanan program dan produk dakwah yang dilaksanakan oleh YADIM.

Dengan adanya objektif kajian ini akan memudahkan penyelidik mendapatkan hasil kajian yang tepat seiring dengan skop dan batasan kajian yang telah ditetapkan. Penjelasan dan pembuktian penyelidikan ini akan dibahas dan dianalisis dalam bab 5 nanti iaitu hasil dan penemuan kajian.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting kerana tidak ada kajian yang dibuat secara menyeluruh mengenai transformasi YADIM sebagai sebuah institui dakwah di Malaysia. Jika ada hanyalah kajian pada peringkat awalan sahaja bagi memenuhi keperluan latihan ilmiah dan penulisan tesis untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi input dan manfaat khususnya kepada YADIM dan secara amnya bagi organisasi dakwah di negara ini. Harapan penyelidik bahawa dengan kepentingan kajian ini dapat memberi maklumat dan hakikat sebenar tentang perlunya kepimpinan dan kompetensi pengurusan organisasi dakwah yang realistik kepada masyarakat. Berikut adalah beberapa kepentingan kajian yang mampu dihasilkan dari penyelidikan ini. Antaranya ialah:

- i. Kajian ini diharap dapat menjadi bahan rujukan bagi organisasi dakwah di negara ini. Faktor-faktor transformasi perlu dilakukan oleh setiap organisasi bersesuaian dengan zaman dan teknologi terkini masa kini. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan panduan dan model kepada organisasi Islam yang lain dalam memperkasa gerakan organisasi dakwah mereka kepada masyarakat.
- ii. Transformasi dari aspek pengurusan organisasi dakwah yang meliputi kepimpinan, tenaga kerja, prasarana, metodologi, dan lain-lain secara holistik akan memberi impak yang besar kepada organisasi dakwah dan masyarakat. Pengukuhan secara berterusan dengan membuat penilaian dan penambahbaikan perlu dilakukan dari masa ke semasa oleh setiap organisasi dakwah di negara ini. Ruang lingkup kompetensi dalam pengurusan dan pelaksanaan program-program dakwah dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap pengurusan di dalam organisasi dakwah.
- iii. Kajian ini menyumbang kepada literatur pembangunan kepimpinan dakwah dalam konteks pengurusan organisasi dakwah. Hasil kajian juga diharap dapat memperkukuh gerakan dakwah YADIM terutama aspek kompetensi pengurusannya agar lebih efisien dan efektif.
- iv. Kajian ini juga dilihat mampu memberikan maklumat dan pengetahuan masyarakat bahawa dalam usaha untuk mengembangkan dakwah Islamiah dan Islahiah, organisasi dakwah harus mendepani pelbagai masalah dan cabaran yang timbul dalam apa jua keadaan. Namun demikian, usaha mendakwahkan masyarakat secara berterusan terus dilaksanakan oleh YADIM.
- v. Kajian ini sebagai tanda aras kepada penyelidik yang akan datang untuk mengkaji perkara-perkara yang bersifat lanjutan daripada hasil dan dapatan kajian ini khususnya dalam ruang lingkup pengurusan organisasi dakwah.

1.6 Skop Dan Batasan Kajian

Perkembangan dan transformasi YADIM juga dilihat dengan pembukaan beberapa pejabat cawangannya. Penubuhan pejabat cawangan YADIM ini telah wujud semasa di era kepimpinan Yang DiPertua (YDP) Datuk Haji Mohd Nakhaie Bin Haji Ahmad. Cawangan-cawangannya iaitu YADIM Zon Utara, di Sungai Petani Kedah, Zon Selatan di Johor Bahru, Zon Sabah di Kota Kinabalu, Zon Sarawak di Kuching, Zon Timur di Kuala Trengganu, Trengganu dan YADIM cawangan Kelantan. Namun skop kajian ini hanya tertumpu kepada YADIM di ibu pejabat sahaja iaitu di Kompleks Pusat Islam Putrajaya dan tidak mencakupi cawangan-cawangannya.

Penyelidikan ini juga mempunyai batasan kajian yang perlu dihadapi oleh penyelidik. Antara yang ketara adalah untuk mendapatkan sumber yang mencukupi. Walaupun penyelidik telah berusaha dengan sedaya upaya untuk mendapatkan bahan kajian daripada sumber primer dan sekunder, namun permasalahan ini lebih ketara apabila ada di antara YDP-YDP YADIM tidak meninggalkan sebarang bentuk penulisan berkaitan dengan riwayat hidupnya ataupun penglibatannya dalam penyebaran dakwah apabila menerajui YADIM dengan kepelbagaian isu-isu semasa yang dihadapi semasa hayatnya yang dapat dilihat dari kacamata mereka sendiri. Hal ini berkemungkinan mereka terlalu sibuk bekerja dan usia mereka yang singkat.

Masalah kajian juga turut dapat dilihat dari segi sumber dokumentasi yang berselerak di merata tempat dan memerlukan masa penyelidikan yang lebih panjang. Halangan juga berlaku ketika penyelidik cuba mendapatkan bahan-bahan kajian seperti dokumen penubuhan organisasi, senarai nama Ahli Lembaga Pemegang Amanah, jumlah kakitangan, latarbelakang pendidikan kakitangan, alamat lengkap Ahli lembaga Pemegang Amanah YADIM dan sebagainya yang tidak mendapat kerjasama dari para pegawai YADIM. Namun, setelah membuat memo kelulusan kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Dr. Ahmad Fadzli Bin Ahmad Tajuddin sebahagian maklumat telah diperolehi bagi membantu penyelidikan ini.

Selanjutnya, penyelidik juga lebih banyak mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan di Arkib Negara dan Perpustakaan Universiti. Sesetengah bahan di Arkib Negara juga terutama berkaitan dengan biodata mantan YDP yang telah meninggal dunia masih tidak dapat dirujuk. Sebahagian fail atau dokumen masih lagi dikategorikan "*fail peribadi*" dan tidak boleh dibuat rujukan. Penyelidik tidak hanya mengumpulkan sumber dari perpustakaan dan Arkib Negara, malah berusaha juga mencari sumber dengan mengadakan sesi temu bual secara mendalam dengan Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yang DiPertua (YDP), mantan Yang DiPertua, mantan Timbalan Yang DiPertua (TYDP) dan para pegawai yang telah berkhidmat 10 tahun ke atas di YADIM. Ada di antara mereka apabila mengadakan temu bual memberikan maklumat secara umum tentang perkembangan dakwah dan pelaksanaan segala aktiviti semasa mereka menjadi YDP atau TYDP YADIM. Ramai individu atau tokoh YDP YADIM yang telah

meninggal dunia. Penyelidik berusaha menampung kekurangan tersebut sama ada dari media elektronik atau media cetak berdasarkan sumber sekunder seperti koleksi teks ucapan perasmian, bahan-bahan penulisan, minit mesyuarat, surat-surat, kertas kerja, penulisan di akhbar, buku laporan tahunan, journal dan lain-lain. Artikel yang ditulis dalam teks tersebut dan bahan-bahan yang didapati lebih relevan dalam usaha mendapatkan maklumat yang lebih komprehensif.

1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional berdasarkan beberapa perkataan tertentu yang dilakukan oleh penyelidik amat penting untuk menjelaskan dan menghuraikan maksud dengan lebih terperinci mengenai kajian penyelidikan.

1.7.1 Transformasi

Transformasi meliputi aspek dalaman dan luaran yang mempunyai peranan penting dalam mencapai objektif sesebuah organisasi. Istilah transformasi menurut Kamus Dewan (2013:1712) perubahan bentuk yang meliputi sifat, rupa, keadaan dan lain-lain. Dalam *Cambridge Learner's Dictionary* (2009:749), gabungan dua perkataan *Trans* dan *form*. *Trans* bermaksud merentasi satu sisi dan *form* iaitu bentuk yang terhasil. Gabungan ini menghasilkan transformasi yang membawa maksud satu bentuk perubahan sifat yang ingin dilakukan dalam sesuatu perkara. Oleh itu, transformasi adalah satu usaha untuk melakukan perubahan pada perkara yang masih berada dalam situasi lama kepada sesuatu yang lebih baik. Dengan usaha ini akan menjamin survival organisasi melalui kecekapan dan keberkesanan organisasi dalam memberikan perkhidmatan atau pengeluaran (Musa Ali, 2015).

Definisi operasi: Dalam kajian ini penyelidik mendapati terdapat transformasi yang telah dilaksanakan oleh YADIM sebagai sebuah Institusi dalam melaksanakan gerakan dakwahnya kepada masyarakat. Terdapat perubahan keseluruhan organisasi dakwah YADIM dalam aspek kepimpinan dan pengurusan organisasi dakwah. Melalui platform pelaksanaan program dan aktiviti telah direncanakan secara lebih tersusun, sistematik dan berstrategi bagi menjamin kesejahteraan ummah di negara ini.

1.7.2 Institusi Dakwah

Institusi merupakan badan atau organisasi yang diitubuhkan untuk tujuan tertentu (Kamus Dewan:2013;581). Institusi Dakwah merupakan agen pelaksana dakwah yang terdiri dari kalangan organisasi atau pertubuhan di bawah agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan yang terlibat dalam melaksanakan gerak kerja dakwah secara sistematik (Dasar Dakwah Negara: 2015).

Definisi operasi: Dalam kajian ini, penyelidik memberi fokus kepada sebuah Badan Amanah iaitu YADIM yang telah ditubuhkan oleh kerajaan pada 25 Januari 1974. YADIM telah diberi kuasa di bawah *Ordinan Trustee* untuk memperkembangkan agama Islam dan amnya bagi maksud kerja-kerja pendidikan, sosial dan kebajikan dalam kalangan orang-orang Islam (Perlembagaan Yayasan Dakwah Malaysia, 1973: 1). YADIM merupakan sebuah Institusi Islam yang dikelompokkan dalam fungsi dan peranannya dikategorikan di bidang kebajikan serta kemasyarakatan yang cuba mengurus dari pelbagai aspek jasmani dan rohani, material dan spiritual mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh Islam (Nor Azzah Kamri, Siti Arni Basir, 2013: 13). Dalam kajian ini, transformasi diteroka melalui aspek penilaian matlamat, pengurusan organisasi, keberkesanan program dan produk dakwah YADIM. Perkara ini penting dalam menilai pencapaian YADIM sebagai sebuah Institusi dakwah dalam menjalankan misi dan peranannya di Malaysia

1.8 Struktur Penulisan Tesis

Struktur penulisan tesis penyelidikan yang berbentuk ilmiah ini kepada terbahagi kepada enam bab. Bab pertama didahului dengan pendahuluan. Penyelidik akan menjelaskan berkaitan pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, definisi operasional, struktur penulisan tesis dan kesimpulan. Huraian dalam bahagian ini akan memberi gambaran secara keseluruhan terhadap hasil kajian.

Dalam bab kedua, penyelidik akan menjelaskan secara terperinci berkaitan dengan latar belakang dan perkembangan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Huraian meliputi sejarah penubuhan, lokasi dan cawangan, struktur pengurusan, vis, misi, strategi dan pencapaian. Selanjutnya, perkembangan YADIM dalam gerakan dakwah kepada masyarakat yang meliputi penubuhan dan penjenamaan penyelarasan NGO, program-program dakwah dan bahan-bahan penerbitan.

Selanjutnya dalam Bab ketiga, penyelidik menghuraikan tentang perkembangan dan transformasi gerakan organisasi dakwah di Malaysia. Dalam huraian ini mencakupi aspek kepimpinan dan pengurusan dakwah yang meliputi hala tuju dan strategi, matlamat, elemen utama pengurusan organisasi dakwah dan pemerkasaan gerakan organisasi dakwah di Malaysia.

Bab keempat pula, penyelidik akan menghuraikan secara terperinci metodologi kajian yang digunakan penyelidik dalam kajian ini. Bab kelima, penyelidik akan menganalisa hasil semua dapatan kajian daripada soalan-soalan temu bual yang telah dijalankan terhadap responden yang terdiri dari Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Pengurusan Tertinggi dan juga para pegawai YADIM. Analisis dapatan juga daripada soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden luaran dengan memberikan perspektif atau pandangan mereka terhadap transformasi YADIM. Agensi-agensi yang terlibat adalah agensi-agensi sekutu dan badan-badan NGO serta individu yang terlibat dengan program YADIM. Bahan-bahan dokumentasi

melalui akhbar, laporan, minit mesyuarat dan lain-lain akan dianalisis bagi mengukuhkan data penyelidikan ini. Hasil dan penemuan kajian dibuat secara terperinci bagi menjawab semua objektif kajian.

Bab keenam pula, penyelidik akan membuat ringkasan metodologi, hasil kajian, implikasi kajian serta cadangan terhadap hasil semua dapatan kajian. Analisa kajian juga akan dibincangkan secara terperinci dan menyeluruh dari bab-bab terdahulu dalam penulisan kajian ini. Penyelidik juga akan mengutarakan beberapa saranan atau cadangan kepada pihak YADIM. Diharapkan segala saranan atau cadangan akan diambil perhatian untuk dipertimbangkan bagi meningkatkan dan memperkukuhkan gerakan dakwah dalam usaha menyebarluaskan syiar Islam di negara ini.

1.9 Kesimpulan

Sebagai penutup dan kesimpulan bab, penyelidik berharap agar kajian ini dapat disempurnakan dengan sebaiknya mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Penyelidik berharap agar kajian ini dapat menjelaskan segala persoalan-persoalan tentang transformasi YADIM sebagai sebuah institusi dakwah dalam melaksanakan gerakan dakwah kepada masyarakat di Malaysia. Penyelidikan ini mampu memberi sumbangan kepada organisasi dakwah di negara ini dalam mentransformasi gerakan dakwah kepada masyarakat.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2006). *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2005). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2000). *Pembangunan Minda Masjid*. Kertas Kerja Seminar pembangunan Masjid Di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 28 Disember 2002.
- Ab Aziz Yusof. (2014). *Pengurusan sumber manusia teori dan pelaksanaan*. Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur
- 'Abd. Al-Baqi, Muhammad Fuad (1987). *Munjid Al-Tullab Li Al-Fāzi Al-Quran*. Beirut: Dar Al-Fikr
- Abd. Al-Baqi, Muhammad Fuad. (1996). *Mu'jam al-Mufahras Lil Al-Fāzi Al-Quran Al-Karim*. Kaherah: Dar al-Hadith
- Abd. Halim El-Muhammady. (1996). *Pengurusan Dalam Islam*. Selangor: Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah
- 'Abd Salam Harun. (T.Thn). *Qamus Maqāyis Al-Lughah Li Ibn Fāris*. Beirut: Dar Al-Jailu
- Abdul Ghafar Don. (2003). *Peranan Instiusi Dakwah Di Britain: kajian di The Islamic Foundation* (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam), Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Bin Don & Anuar Puteh. (2010). *Pengurusan Dakwah: Analisis Pendekatan KeMalaysiaan*. *Al-Hikmah* (2) 2010. Mks: 97.
- Abdul Ghafar Hj Don & Hailan Haji Salamon (2006). *Dakwah Kepada Non-Muslim: Konsep Pendekatan Dan Cabaran*. *Jurnal YADIM* (8). Kuala Lumpur: Penerbit Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia 50-63.
- Abdul Manaf Haji Ahmad (1998). *Masalah Dakwah Di Malaysia Dan Cara Mengatasinya dalam Abdullah Muhammad Zin. Et.al Prinsip Dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM
- Abdul Munir Ismail, (2014). *Dakwah Suatu Tuntutan Dalam Islam*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris : Tanjong Malim, Perak.

- Abdullah Ishak. (1992). *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat dan Ideris Endot (pey.) (1998). *Prinsip dan kaedah dakwah dalam arus pembangunan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 'Abd. Al-Baqi, Muhammad Fuad (1987). *Munjid Al-Tullab Li Al-Fāzi Al-Quran*. Beirut: Dar Al-Fikr
- 'Abd. Fattah, Muhammad Said. (1981) *Al-Idārah Al-ʿAmmah*. Qahirah: Dar Al-Misriyyah Al-Hadithah
- Abdul Halim Mat Diah (1987). *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur Universiti Malaya
- Abdul Ghani, S. (2002) *Dinamisme Pembangunan Pembangunan Dakwah*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan dalam Seminar Berdakwah Menerusi ICT, Kerajaan Negeri Melaka Dan Jabatan Mufti Negeri Melaka
- Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat dan Ideris Endot (pey.) (1998). *Prinsip dan kaedah dakwah dalam arus pembangunan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdullah Muhammad Zin, (1991). *Islamic Da'wah*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd
- ABIM. (T.th). *Kebangkitan Islam Di Malaysia: Peranan ABIM*. Kuala Lumpur: Biro Penerangan ABIM Pusat, Pakar Print Sdn. Bhd
- ABIM. (1991). *Buku Cenderamata Pameran Penggerak Kebangkitan Umat Sempena Ulang Tahun ke-20*. ABIM: Kuala Lumpur
- Abu Maswah Nasih. (T.thn.). *Pengurusan menurut ajaran Al-Quran*. Kuala Lumpur: Serambi Timur
- Abu Sin, Ahmad Ibrahim. (1991). *Pengurusan dalam Islam*. Terj. Abdul Rashid Ngah & Jusoh Kadir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Abu Urwah (1988). *Risalah Usrah*. Jilid 3: Bahagian 1. Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Adnan Torablusi (2007). *Peranan NGO Islam Dalam Usaha Penyatuan Umat Dan Pengukuhan Negara-negara Moden*. Kertas Prosiding Multaqa Ulama Sedunia pada 10-11 Julai 2003 di Hotel Marriot Putrajaya, Malaysia
- Adawiyah Ismail (2010). Pelaksanaan aktiviti Dakwah dan Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM). Dalam Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Salasiah Hanin Hamjah (peny.) *Pengurusan Organisasi Dakwah*. Fakulti Pengajian Islam UKM: Bangi

Ahmad Al-Aid, Ahmad Mukhtar Umar, Jailani Yahaya, Daud Abduh, Sholeh, Jawad Toa'mah, Nadim Mur'Asyali. (T.th). *Mu'jam Al-'Arabi Al-Asāsi*. Kaherah: Lid Ad-Dirus.

Ahmad Atory Hussain. (1996). *Pengurusan organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Ahmad Azam Abdul Rahman (2000). *Dakwah dalam gerakan Islam di Malaysia*. Dalam Ahmad Redzuan Mohd Yunus, Badlihisam Mohd Nasir dan Berhanudin Abdullah (peny.). *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*. Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kuala Lumpur.

Ahmad Bashir Aziz. (2015). *Pengurusan Islam Alternatif Pengurusan Moden*. Sintok: UUM Press

Ahmad Jelani Halim. (2008). *Sejarah Dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Ahmad Mohd Said. (1998). Pengurusan dakwah. *Jurnal Dakwah* (1). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. h. 67-75.

Ahmad Farith, Zakaria. (t.thn). *Mu'jam Maqāyis Al-Lughah*. Beirut: Dar-Al-Fikr

Ahmad Mahmud Abu Zaid (1996). *Pendakwah Masa Kini Sikap dan Pendekatan*. Kuala Lumpur: Penerbit Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Ainon Mohd & Abdullah Hassan (1994). *Teknik Berfikir, konsep dan proses*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Aidit Ghazali, (1993). Pengurusan berteraskan Islam dalam Nik Mustapha Nik Hassan (pnyt.) *Islam budaya kerja dan pembangunan masyarakat satu kefahaman*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

A. Karim Omar, (2012). *Dakwah Islamiyyah dalam mendepani gerakan pemurtadan di Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Dakwah Nasional pada 8-9 Oktober 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Ali Jareshah. (1986). *Al-Ittijahat Al-Fikriyyah Al-Mua'şirah*. Dar al-Wafa:Kaherah

Ali Mahfuz. (1975). *Hidāyah Al-Mursyidīn Ila Turuq Al-Wa'az Wa Al-Khitābah*. Mesir: Dar Misr Li Al-Tiba'ah.

Al-Aluri, Adam Abdullah (1988). *Tarikh Al-Da'wah Ila Allah Baynā Al-Ams Wa Al-Yaūm*. Qaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Buti, Muhammad Said Ramadhan. (1994). *Fiqh Al-şirah*. Beirut:Dar Al-Fikr

Al-Baqi, Muhammad Fuad Abd. (1987). *Al-Mu'jam al-Mufahrās Li Al-Fāzi Al-Quran Al-Qarim*. Beirut: Dar Al-Fikr.

- Al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. (1990). *Al-Madkhal Ila 'ilm Al-Da'wah*. Beirut: Muassasah Al-Risalah
- Al-Bilaliyy, Abd. Al-Hamid (1997). *Mushkilah Wā Hulul Fi Haql Al-Da'wah*. Al-Qaherah: Dar Al-Tawzi Wa Al-Nashr Al-Islamiah.
- Al-Buraey, Muhammad. (1992). *Pembangunan pentadbiran menurut perspektif Islam*. Terj. Abdullah Mohd Noor. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Al-Bukhari, Abu Abdillah Ismail. (1981). *Shahih al-Bukhari*. Beirut: Dar-Al-Fikr
- Al-Dahayan, Abd Al-Rahman Bin Ibrahim. (1991). *Al-Idarah Wa al-Hukm Fi Al-Islam*. Al-Fikr Wa Al-Tatbiq. Abha:T.Tpt.
- Al-Damshiqi, Imad Al-Din Abi Fida' Ismail Ibn kathir Al-Qurashi (1994). *Tafsir Al-Quran Al-'Azim*. Qaherah: Dar Al-Hadith.
- Al-Dimyati, Muhammad Al-Sayed. (1971). *Tawliyah Al-waza'if Al-'Ammah*. Cairo:T.tpt.
- Al-Fairuz, Abadi & Majd Al-Din Muhammad Ya'qub. (1995). *Qamus Al-Muhit*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1998). *Ma'a Allah*. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi
- Al-Ghazali, Abū Hamid Muhammad. (1987). *Majmū'at Rasā'il Al-Imām Al-Ghazālī*. Beirut: Jāmi' Al-Huqūq Mahfuzat
- Al-Ghazali, Abū Hamid Muhammad. (1993). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah: Dar Al-Hadith
- Al-Jum'ah Amin 'Abd al-Aziz. (1989), *Al-Da'wah, Qāwaid Wa Usul*. Iskandariyyah: Dar Al-Da'wah.
- Al-Khalil Al-Nahwi (1991). *Mu'ajam Al-'Arabī Al-Mu'asir*. Tunisia: Al-Durus
- Al-Khuli, Al-Bahi. (1983). *Tazkiyat al-Du'ah*. Beirut: Dar al-Qalam
- Al-Marbawi, Muhammad Idris Abd. Rauf (T.Thn.). *Qamus Al-Marbāwi*. Misr: Mustafa Al-Babi Al-Halabi Wa Awladuh.
- Al-Mawardi, Abu Hasan Ali b. Muhammad b. Habib Al-Basriy Al-Baghdadiy. (1983). *Al-Ahkām al-Sulthāniyyah Wa Al-Wilāyah Al-Diniyyah*. Kaherah: Maktabah At-Taufiqiyyah.
- Al-Maydani, Abdul Rahman Hassan Habbannakah. (1996). *Fiqh al-Da'wah Ila Allah wa Fiqh al-Nush Wa Al-Irsyad Wa Al-'Amr Bi Al-Ma'ruf Wa Al-Nahy'an Al-Mungkar*. Damsyiq: Dar al-Qalam

- Al-Munazzamah al-'Arabiah Li al-Tarbiyah Wa Al-Thaqafati Wa Al-'ulum. (1989). *Al-Mu'jam al-'Arabial-Aṣāsi*. Paris: Larus
- Al-Nawawiyy, Muhyi Al-Din Abi Zakariyya Yahya Bin Syaraf (1988). *Riyad Al-Ṣalīhīn Min Kalam Saiyid Al-mursālin*. Dimasyq: Dar al-Khayr.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Di Yahya bin Sharaf. (1992). *Ṣhahīh Muslim Bi Sharḥ Al-Nawāwī*, Jilid 2 Beirut: Dar al-Ma'rifah
- Al-Qardhawi, Yusuf (2009). *Thaqafāh Ad-Dai'ah*. Kaherah: Maktabah Wahbah
- Al-Qardhawi, Yusof (1983). *Al-Hall Al-Islami*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Al-Qardhawi, Yusof (1993). *Ayna Al-Kḥalāl*. Al-Qahirah: Dar Al-Sahwah Li Al-Nashr
- Al-Qurtubi, 'Abd. Abdullah Muhammad Ahmad Al-Ansari (t.thn.). *Al-Jami'uli Aḥkam Al-Quran*. Kaherah: Maktabah Dar Al-Hadith.
- Alauddin Sidal (2002). *Dorongan dalam organisasi*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
- 'Assaf, Mahmud (1976). *Uṣul Al-'Idarāh*. Al-Qahirah: Dar Al-Nashir Al-'Arabiyy.
- Al-Rais, Muhammad Dhia'uddin (1979:46). *Al-Nazāriyyah al-Siyāsah Al-Islāmiyyah*. Qaherah: Matabah Dar Al-Turath
- Al-Sayyid Nawfal, Abu al-Majd (1977). *Al-Da'wah Ila Allah Ta'ala: Kḥasaisuḥa Muqawimatuha Manahijuha*. Mesir: Jamiah al-Azhar.
- al-Sibā'ie, Mustafa. (t.th). *Al-Ṣīrah Al-Nabawiyah Durūs Wa 'Ibār*. Beirut: Maktabah Al-Islamīyah
- Al-Suyutiyy, Al-Imam al-Hafiz Jalal Al-Din Abd Al-Rahman bin Abu Bakr. (t.th.). *Al-Jami' Al-Ṣaghīr*. Al-Muhaddith Program (CD-ROM) version 8.61. (1 November 2012).
- Al-Turmudhiyy, Abu Isa Muhammad bin Isa bin Surah bin Musa bin al-Dahhak (t.th.). *Sunan Al-Turmudhiyy*. Al-Muhaddith Program (CD-ROM) Version 8.61 (1 November 2012).
- Al-Wajdi, Muhammad Farid (1971). *Da'rat Ma'arif al-Quran Al-Ishrin*. Beirut: Dar-Al-Ma'arif.
- Alkin, M.(1990). *Debates on evaluation*. New bury Park, CA: Sage Publication
- Ahmad Sarur Muhammad (1978) *Uṣul al-Idārah al-'Amal*. Qahirah: Dar Al-Kitab Al-Arabi.
- Akademi pengurusan YaPEIM. (2011). *Pengurusan Islami Menghayati Prinsip Dan Nilai Qurani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YaPEIM.

- Amini Amir Abdullah (2006). *Methodologi Dakwah Kontemporari Dalam Bengkel Dakwah Kontemporari* Anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia Dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Di Pusat Latihan Ristec Port Dickson.
- Amini Amir Abdullah (2015), *Artikel teori dan falsafah pengurusan organisasi dakwah*. Universiti Putra Malaysia
- Amini Amir Abdullah, Masitah Esa. (2015). Towards holistic concept of leadership in Islam for sustainable development community. *International Journal Of Social Policy And Society*. vol 11/2015. 27-49.
- Angkatan Belia Islam Malaysia. 1993. *Gerakan Dakwah Dan Orde Islam Di Malaysia: Strategi Masa Depan*, Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia
- Ann Wan Seng. (2005). *Al-Arqam Disebalik Tabir*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Aryanpur, Kashani 'Abbas (1964). *The New Unabridged English Persian*. Tehran: Taban Press.
- A.S Hornby. (2010). *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. Oxford: Oxford University Press
- 'Assaf Mahmud. (1976). *Uşul Al-Idārah*. Al-Qaherah: Dar al-Nashir Al-Arabiyy
- Arnold, Thomas W. (1986). *The Preaching of Islam*. London: Darf Publishers Ltd.
- Asmuni, H. (2003). Strategi dakwah untuk mempersatukan umat Dalam Zulkiple Abd. Ghani, Anuar Puteh & H.A Yaakob Matondang (pynt.) *Jaringan Dakwah Malaysia.Indonesia*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM.
- Asnakhruhladi, A.B. (2006). *Pengenalan Pembangunan Komuniti*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Atkinson & Hilgard. (1991). *Introduction to Psycology*. New York: Harcourt,
- Azlizan Mat Enh, Rohani Abdul Ghani. (2012). *Wanita dan masyarakat*. Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM.
- Azmah Abdul Manaf, (2005). *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Azman Che Omar. (2003). *Pengurusan Di Malaysia Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Azyumardi Azra. (2002). *Islam Nusantara: Jaringan Global dan Lokal*. Bandung: Penerbit Mizan.

- Baharom Mohammad, Ahmad Esa, Mohd Noor Hashim, Mohd Yusop Ab. Hadi, Jamaludin Hashim, Nur Fadzillah Hussin. (2008). *Pendekatan Tauhid Dalam Kepimpinan Pendidikan*. Fakulti Pendidikan Teknikal Universiti Hussein Onn Malaysia dalam Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB. UTHM
- Badlihasham Mohd Nasir. (2015). *ABIM dan PAS Dalam Gerakan Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Badlihasham Mohd Nasir (1988). *Islamic Movements In Malaysia: A Study of Da'wah in PAS and ABIM*. Thesis Doctorol of Philosophy: Birmingham University
- Bakke, E. Wight. (1950). *Bonds of organization*. New York: Harper
- Berhanuddin Abdullah (1997). *Amal Jama'i dalam organisasi Islam*. Besut: Zabib Enterprise.
- Bisam Umush (1995). *Fiqh Ad-Da'wah*. Amman: Dar Al-Nafais.
- Brown, Wilfred. (1974). *Organization*. Harmondsworth : Penguin
- Burgess, R.C., (1984). *In the field. An introduction to field research*. London: Allen and Unwin
- Burn, R.B. (1995). *Introduction to Research Methods*. Melbourne:Longman
- Chaplin, J.D. (1989). *Dictionary of Psycology*. New York: Dell Publishing Company.
- Che Su Mustaffa. (2004). Keberkesanan Komunikai Organisasi: Satu Analisis Multidemensi. *IJMS* 11 (2). 91-22.
- Chester Barnard. (1966). *The Functions of the Executive*. Cambridge: Harvard University Press
- Chery E. Czuba. (2006). Empowerment, what is?. *Journal of Extansion*. 37(5)
- Creswell, J.W. (2011). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approach*. London:Sage Publication.
- Cresswell, J.W.(2012). *Educational research planning, conduting and evaluating quantitative research*. Boston:Pearson.
- Coakes, S., dan Bishop, B (2002) Defining the nature of Participation in Rural Australian Communitas: A Qualitatif Approach. *Journal Of Community Psychology*. 30(6): 635-646.
- Compact Oxford English Dictionary*. (2003). United Kingdom: Oxford University Press.

- Cronbach, L.J (1983). *Towards a reform of program evaluation*. San Francisco: Jossey- Bass
- Dale, Ernest. (1960). *The Great Organizers*. New York: Mc Graw-Hill
- Dasar dan Panduan Pendakwah PERKIM*. (2009). Kuala Lumpur: Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia.
- Dasar Dasar Dakwah Negara, Memperkasa Agenda Transformasi Dakwah Negara Ke Arah Pembentukan Khaira Ummah*. (2015). JAKIM: Putrajaya
- Denzin, N.K and Lincon, Y.S. (2000), "*The discipline and practice of qualitative research*", in Denzin, N.K. and Lincon, Y.S (Eds) *Handbook of Qualitative Research*, 2nd ed., Sage Publications Inc, Thousand Oaks, CA.
- Dusuki Ahmad. (2010). *Autobiografi Dato' Dusuki Ahmad Dari Pondon ke Parlimen*. Kelantan: Yayasan Darul Hanan
- Dusuki Ahmad. (1980). *Islam di Malaysia kebangkitan dan masa depan*. Selangor: Al-Hilal
- Dilnawaz A. Siddiqui. (1987), Human Resources Development: Muslim World Perspective Dalam *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Vol. 4, No. 2, 277-291.
- Donnelly, Gibson dan Ivancevich, J.H (1978). *Fundamentals Of management: Function, behavior and models*. Texas-Dallas: Business Publication Inc.
- Dusuki Ahmad.(1980). *Islam Di Malaysia: Kebangkitan Dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi.
- Eisenhart, M. & Howe, K. (1992). Validity in Educational Research. In M. Le Compte, W. Millrory, & J. Preiselle (Eds.) *The Handbook Qualitative Research in Education* (m.s 642-680). San Diego: Academic Press.
- Ernest Dale. (1960). *The Great organization*. New York: MC Grow Hill Book Company.
- Ensiklopedia Global*. (2001) Ed. Milenium. Jil. 18. Kuala Lumpur: Smart Genie Corporation Sdn. Bhd.
- Md Sham. (2000). Dakwah Islamiah Dalam Arus Globalisasi. Dalam. Faiza Md. Sham et.al (pnyt). *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Hlm.12-20. Kuala Lumpur: Utusan Publications & distributors Sdn. Bhd.
- Fathi Yakan (1974). *Mushkilāt Al-Da'wah Wa Al-Da'iyāh*. Beirut :al-Risalah
- Feagin, J.Orum, A., & Sjoberg, G. (1991). *A case for case study*. Chapel Hill, NC: University of North Carolina Press.

- Fontana, A., & Frey, J.H. (2005). The interview: From neutral stance to political involvement. In Denzin, N.K & Lincoln, Y.S (Eds). *The Sage Handbook Of Qualitative Research*. 3rd ed. Thousand Oaks CA: Sage
- Firdaus Khairi Bin Abdul Kadir (1998). *Gerakan Dakwah Di Malaysia: Satu Penilaian*. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu
- Fraenkel, J.R dan Wallen, N.E (1993) *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw-Hill
- Fuad Afram al-Bustani. (1986). *Munjid At-Tullāb*. Beirut, Lubnan: Dar al-Masyariq
- Gary Dessler (2000), *Human Resource Management*, New Jersey: Prentice Hall
- Garry Dessler. (1987). *Management Fundamentalist*. New York: Reston Publishing Company.
- Koontz, Harold & Heinz Weihrich. (1989). *Management*. New York: Mc Graw Hill Book Company.
- Glaser, B. G. & Strauss, A.L (1967). *The discovery of grounded theory*. Chicago: Aldine.
- Ghalwasy, Ahmad. (1978). *Al-Da'wah Islamīah Uṣuluha Wa Waṣīluhā*. Dar Qaherah: Al-Kitab al-Misr
- Gribben, J.J (1997). *Effective managerial leadership*. New York: American Management Association
- Goetz, J.P., & LeCompte, M.D. (1984). *Ethnography and qualitative researcher. An introcuction*. New York: Longman
- Hall, Richard H. (1979). *Organizations: structure and process*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Haim Hilman Abdullah, (2006). *Pengurusan strategik: Konsep Dan Kes*. McGraw-Hill, Malaysia.
- Haji Abd. Majid Omar. (2007). *Pengenalan Dakwah*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Kursus Pendekatan Dakwah Kontemporari. Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP Bangi anjuran Institut Latihan Dan Dakwah Selangor. 28-30
- Hamad Hasan Ruqayyad. (1996). *Al-Maṣūliyyah Al-'Idāriyah Fi Al-Islam*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Hasan S. Karni. (1999). *Al-Mughni Al-Akḥbar*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Hasan Al-Banna Mohamed, Ab. Mumin Ab. Ghani, Siti Arni Basir. (2013). *Sistem Pengurusan Islam yang Berkualiti Mampu Menjamin Kepuasan Pekerja: Suatu Realiti dan Cabaran Masa Hadapan*. VOL 3. ISSUE1. hlm 67-84

- Hasanayn. 'Abd al-Mun'im Muhammad. (1984), *Al-Da'wah 'ila Allah 'ala Baṣīrah*. Al-Qahirah: Dar Al-Kitab al- Misriyy
- Hithocock, G & Huges,D. (1989). *Research and the teacher: A qualitative introduction to school-based research*. London & New York: Routledge.
- Hulme, David, M Turner. (2004). *Gorvernance, management and development: Making the state Work*.Palgrave
- Hulme, David, Mark M Turner. (1990). *Sosciology and developmtent: theories, plocies and practies*. New York: Harvester Wheatsheaf
- Hisham Altalib. (1991). *Training Guide For Islamic Wokers*. Virgina, USA: The International Institute Of Islamic Thought
- Hersey, P. dan Blanchard, K.H. (1993) *Management of Organizational Behaviour. Utilizing Human Resource*. Fourth Edition, Englewood Cliff. NJ: Prentice Hall
- Harold Koontz& Harry Weirinch. (1997). *Pengurusan* (terj.) Mohd Salmi Mohd Sohod & Siti Nadzirah Sheikh Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ibn Durayad, Muhammad Ibn Al-Hasan (T.Thn.). *Jamḥarat al-Lughah*. Beirut: Dar Sadi Li Al-Tiba'ah.
- Ibn Kathir, 'Imaduddin Abi Fida' Ismail. (2009). *Tafsir Al-Quran Al- 'Azim*. Beirut; Makttabah Aulad.
- Ibn Khaldun (1984). *Al-Muqaddimah*. Beirut: Dar Al-Qalam.
- Ibn Manzur, Jamalaluddin Muhammad ibn Mukarram al-Ifriqi al-Misri al-Ansari Al-Khazraji (2011). *Lisan al- 'Arab*. Jilid 5-6, Beirut: Dar al-Shodir.
- Ibrahim Abu Sin, (Pent). Abd Rashid Ngah, Jusoh Kadir. (2002). *Pengurusan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Ibrahim Madkhur. (1972). *Al-Mu'jam al-wasit*. Kaherah: al-Maktabah al-Islamiah
- Ideris bin Endot (1983). *Dakwah Islamiah di Malaysia semenjak tahun 1957 hingga tahun 1975 perkembangan dan cabaran-cabarannya*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Awang (2009). *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*. Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.
